

Penyewa rayu tangguh projek MRT selepas hari raya

KUALA LUMPUR – Sera mai 167 peniaga dan penyewa di Kompleks Beli-Belah Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) di Jalan Bukit Bintang di sini menuntut kerja-kerja pembangunan projek stesen Transit Pantas Massa (MRT) bermula 1 Julai ini ditangguhkan selewat-lewatnya selepas Hari Raya Aidilfitri.

Wakilnya, Hassan Saad berkata, mereka merayu UDA Holdings Bhd. (Uda) yang merupakan pemilik bangunan BB Plaza memanjangkan permintaan itu kepada MRT Corp Sdn. Bhd. (MRT Corp) dan Kementerian Kewangan.

Penangguhan itu dilihat perlu bagi memberi peluang kepada mereka menjalankan perniagaan dan menjual stok barangan sedia ada.

“Perniagaan kami bermusim. Bulan Jun, Julai dan Ogos ialah musim perayaan dan musim pelancong Arab datang dan ia waktu untuk



HASSAN (tengah) bersama para penyewa BB Plaza menuntut projek MRT ditangguhkan pada sesi dialog bersama pengurusan UDA di Kuala Lumpur semalam.

kami buat duit,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Terdahulu, sebahagian penyewa BB Plaza menghadiri sesi dialog bersama pengurusan UDA sebagai maklum balas kepada memorandum yang mereka hantar kepada UDA pada 19

Jun lalu yang telah ditan-datangani oleh 48 orang penyewa dan peniaga.

Menurut Hassan, pihaknya dimaklumkan tiga kafe di laluan pejalan kaki iaitu Gloria Jeans, Hot & Roll dan Starbucks akan dirobuhkan dan bahagian pintu hada-

pan BB Plaza akan ditutup untuk kerja-kerja pembangunan stesen MRT.

“Kerja-kerja penutupan laluan ke BB Plaza kelak akan menjejaskan sebahagian perniagaan kami kerana ia akan mengganggu pengunjung yang mahu ma-

suk ke kompleks ini.

“Kami telah mempunyai pengalaman pahit semasa pembinaan kafe di laluan pejalan kaki pada tahun 2000 di mana pendapatan kami terjejas selama beberapa bulan, jualan kami menurun sebanyak 80 peratus,” ujarinya.

Pada pertemuan itu, Hassan menegaskan penyewa kompleks tersebut tidak menolak rancangan pembinaan MRT namun pihaknya kesal kerana UDA tidak memberikan penjelasan berkenaan status sama ada bangunan itu akan diruntuhkan ataupun kekal.

“Kami tidak mengetahui status kami dan berharap UDA dapat membela nasib penyewa di sini yang 60 peratus adalah peniaga bumiputera.

“Kami juga berharap sekiranya BB Plaza dibangunkan semula, kami sebagai peniaga asal diberi keutamaan untuk menyewa pre-

mis baru berkenaan,” jelasnya yang meminta diberi notis awal sekiranya keputusan telah dibuat.

Sementara itu, pemilik Jieta Collection, Rozita Mohd. Yazi berkata, apabila kerja-kerja pembinaan stesen MRT terbesar negara itu dijalankan, ia pasti menjejaskan periuk nasinya.

“Jika sebelum ini, purata jualan sebanyak RM20,000 hingga RM30,000 sebulan tetapi ia mungkin menurun sebanyak 80 peratus,” jelasnya.

Seorang lagi penyewa, Zainal Omar yang memiliki Z-Line Boutique menuntut ganti rugi sekiranya kerja-kerja pembinaan dimulakan pada 1 Julai ini kerana dakwanya sebanyak RM300,000 telah dilaburkan untuk penyediaan stok musim perayaan ini.

“Ke mana saya mahu bawa segala stok yang ada ini? Siapa yang ingin tanggung kerugian ini, saya menuntut dibayar ganti rugi,” jelasnya.